

Bil. S 37

**AKTA CUKAI PENDAPATAN
(PENGGAL 35, BAB 41)**

**PERINTAH CUKAI PENDAPATAN
(NEGARA BRUNEI DARUSSALAM – REPUBLIK INDONESIA)
(PERJANJIAN PENGELAKAN CUKAI DUA KALI), 2002**

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 41 dari Akta Cukai Pendapatan bahawa jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat dengan perintah mengisytiharkan bahawa penyusunan yang dinyatakan dalam perintah itu telah dibuat dengan Kerajaan mana-mana wilayah di luar Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk memberi pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai di bawah Akta tersebut dan sebarang cukai yang sama jenisnya yang dikenakan oleh undang-undang wilayah tersebut, dan bahawa adalah mustahak supaya penyusunan tersebut berkuatkuasa, penyusunan tersebut hendaklah berkuatkuasa berhubung dengan cukai di bawah Akta tersebut dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam sebarang undang-undang bertulis.

DAN BAHAWASANYA dengan suatu Perjanjian bertarikh 27 haribulan Februari, 2000, di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Indonesia, penyusunan telah dibuat antara lain bagi pengelakan cukai dua kali.

SEKARANG DARI ITU, adalah dengan ini diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat —

(a) bahawa penyusunan yang dinyatakan dalam jadual telah dibuat dengan Kerajaan Republik Indonesia; dan

(b) bahawa adalah mustahak supaya penyusunan tersebut berkuatkuasa dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam sebarang undang-undang bertulis.

JADUAL
PERJANJIAN DI ANTARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DAN

REPUBLIK INDONESIA

BAGI PENGELAKAN CUKAI DUA KALI DAN PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL
BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI KE ATAS PENDAPATAN

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Indonesia dengan hasrat untuk membuat suatu Perjanjian bagi pengelakan cukai dua kali dan pencegahan pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan telah bersetuju seperti berikut —

PERKARA 1

Bidang Diri

Perjanjian ini hendaklah dikenakan kepada orang-orang yang menjadi pemastautin dan Kerajaan salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

PERKARA 2

Cukai-Cukai Yang Diliputi

1. Perjanjian ini hendaklah dikenakan kepada cukai-cukai ke atas pendapatan dan laba modal yang dikenakan bagi pihak tiap-tiap Negara Pejanji tanpa mengira cara bagaimana cukai-cukai itu dilevi.

2. Maka hendaklah dianggap sebagai cukai-cukai ke atas pendapatan dan laba modal semua cukai yang dikenakan ke atas jumlah pendapatan dan jumlah laba modal atau ke atas elemen-elemen pendapatan dan laba modal termasuk cukai-cukai ke atas laba dari pemberian milik harta alih atau harta tak alih.

3. Cukai-cukai sedia ada yang dikenakan Perjanjian ini adalah —

(a) dalam hal Negara Brunei Darussalam —

(i) cukai pendapatan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Penggag 35);

JADUAL – *(sambungan)*

(ii) cukai keuntungan petroleum yang dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Petroleum) (Penggaj 119);

(selepas ini disebut bersama sebagai "cukai Brunei");

(b) dalam hal Indonesia —

cukai pendapatan yang dikenakan di bawah Undang-Undang Pajak Penghasilan 1984 (Undang-Undang Bil. 7 tahun 1983 sebagaimana yang dipinda);

(selepas ini disebut sebagai "cukai Indonesia").

4. Perjanjian ini hendaklah juga dikenakan kepada sebarang cukai yang sama atau sebahagian besarnya serupa yang kemudiannya dikenakan sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, cukai-cukai sedia ada yang disebut dalam perenggan 3 di atas. Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu antara satu sama lain tentang sebarang perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaian mereka masing-masing dalam suatu tempoh masa yang munasabah selepas perubahan tersebut dan memberi salinan enakmen-enakmen dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

5. Jika oleh kerana perubahan-perubahan yang dibuat dalam undang-undang percukaian salah satu Negara Pejanji, didapati mustahak untuk meminda sebarang perkara Perjanjian ini tanpa menyentuh prinsip-prinsip am Perjanjian ini, pindaan-pindaan yang perlu boleh dibuat dengan persetujuan bersama melalui pertukaran nota diplomatik atau dalam apa jua cara lain menurut prosedur perlembagaan mereka.

PERKARA 3

Takrifan Am

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

(a) perkataan "Brunei" bermakna —

wilayah Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang ditakrifkan dalam undang-undangnya dan kawasan-kawasan bersempadanan yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam mempunyai kedaulatan, hak kedaulatan atau bidang kuasa menurut peruntukan-peruntukan Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut, 1982;

JADUAL – (sambungan)

(b) perkataan "Indonesia" bermakna –

wilayah Republik Indonesia sebagaimana yang ditakrifkan dalam undang-undangnya dan kawasan-kawasan bersempadanan yang ke atasnya Republik Indonesia mempunyai kedaulatan, hak kedaulatan atau bidang kuasa menurut peruntukan-peruntukan Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut, 1982;

(c) perkataan "Kerajaan" bermakna –

(i) dalam hal Negara Brunei Darussalam –

- (1) Lembaga Matawang Brunei;
- (2) Agensi Pelaburan Brunei;
- (3) Mana-mana pihak berkuasa atau badan tempatan atau berkanun yang dikecualikan dari cukai di Negara Brunei Darussalam;
- (4) Mana-mana badan korporat yang dikawal atau dimiliki seluruhnya oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam;
- (5) Institusi-institusi sebagaimana yang mungkin dipersetujui dari masa ke semasa di antara kedua-dua Negara Pejanji;

(ii) dalam hal Indonesia –

- (1) Pihak-pihak berkuasa tempatan;
- (2) Subdivisi politik;
- (3) Bank Pusat atau mana-mana institusi kewangan yang dikawal oleh Kerajaan yang modalnya dimiliki seluruhnya oleh Kerajaan;

(d) perkataan-perkataan "suatu Negara Pejanji" dan "Negara Pejanji yang satu lagi" bermakna Brunei atau Indonesia mengikut kehendak konteksnya;

(e) perkataan "cukai" bermakna cukai Brunei atau cukai Indonesia mengikut kehendak konteksnya;

JADUAL – (sambungan)

(f) perkataan "orang" termasuk individu, syarikat, kumpulan orang dan mana-mana entiti lain yang disifatkan sebagai entiti yang boleh dikenakan cukai di bawah undang-undang cukai Negara-Negara Pejanji masing-masing;

(g) perkataan "syarikat" bermakna mana-mana syarikat, badan korporat atau mana-mana entiti lain yang disifatkan sebagai syarikat di bawah undang-undang cukai Negara-Negara Pejanji masing-masing;

(h) perkataan-perkataan "perusahaan suatu Negara Pejanji" dan "perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi" masing-masing bermakna suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi;

(i) perkataan "rakyat" bermakna —

(i) a) dalam hal Negara Brunei Darussalam —

mana-mana orang sebenar yang diberikan taraf seorang rakyat di bawah undang-undang yang boleh dikenakan di Brunei dan boleh juga termasuk mana-mana orang yang memiliki pasport kebangsaan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa yang layak;

b) dalam hal Indonesia —

mana-mana orang sebenar yang diberikan taraf seorang rakyat di bawah undang-undang yang boleh dikenakan di Indonesia;

(ii) mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian dan persatuan yang memperolehi tarafnya yang sedemikian itu dari undang-undang yang berkuatkuasa di suatu Negara Pejanji;

(j) perkataan "lalulintas antarabangsa" bermakna pengangkutan penumpang-penumpang, mel, ternakan atau barang-barang dengan sesebuah kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh suatu perusahaan salah satu Negara Pejanji, kecuali apabila kapal atau pesawat udara itu dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat di Negara Pejanji yang satu lagi atau semata-mata di antara tempat-tempat tersebut dan satu atau lebih struktur yang digunakan untuk carigali atau pengeksploitasian sumber alam yang terletak di perairan bersempadanan dengan perairan wilayah Negara Pejanji yang satu lagi itu;

(k) perkataan "pihak berkuasa yang layak" bermakna —

JADUAL – (sambungan)

- (i) di Brunei: Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (ii) di Indonesia: Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa.

2. Berhubung dengan penganan Perjanjian ini oleh suatu Negara Pejanji, sebarang perkataan yang sebaliknya tidak ditakrifkan hendaklah, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, mempunyai makna yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara Pejanji itu berkenaan dengan cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini.

PERKARA 4

Pemastautin

1. Bagi maksud Perjanjian ini, perkataan "pemastautin suatu Negara Pejanji" bermakna mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negara Pejanji itu, boleh dikenakan cukai di dalamnya oleh kerana domisilnya, tempat kediamannya, tempat pengurusannya atau sebarang kriteria lain yang serupa.

2. Jika oleh kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1 seseorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan menurut aturan-aturan yang berikut —

(a) Dia hendaklah dianggap sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia mempunyai tempat tinggal tetap yang tersedia untuknya. Jika dia mempunyai tempat tinggal tetap yang tersedia untuknya di kedua-dua Negara Pejanji dia hendaklah dianggap sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana hubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingan yang utama);

(b) Jika Negara Pejanji di mana dia mempunyai pusat kepentingannya yang utama tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat tinggal tetap yang tersedia untuknya di salah satu Negara Pejanji, dia hendaklah dianggap sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;

(c) Jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Pejanji atau tidak mempunyainya di salah satu Negara Pejanji, pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan itu dengan persetujuan bersama.

3. Jika oleh kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1 seseorang selain daripada seorang individu adalah pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka

JADUAL – *(sambungan)*

orang itu hendaklah dianggap sebagai pemastautin Negara di mana kawalan dan pengurusan perniagaannya dijalankan. Jika tempat kawalan dan pengurusannya tidak dapat ditentukan, pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan itu dengan persetujuan bersama.

PERKARA 5

Bangunan Tetap

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan "bangunan tetap" bermakna suatu tempat perniagaan tetap yang melaluinya perniagaan perusahaan itu dijalankan seluruhnya atau sebahagiannya.

2. Perkataan "bangunan tetap" hendaklah termasuk terutamanya –

- (a)* suatu tempat pengurusan;
- (b)* suatu cawangan;
- (c)* suatu pejabat;
- (d)* suatu stor, gudang atau premis yang digunakan sebagai saluran keluar jualan;
- (e)* suatu kilang;
- (f)* suatu bengkel;
- (g)* suatu perkebunan atau perladangan;
- (h)* suatu lombong, telaga minyak atau gas, kuari atau tempat lain pengeluaran atau carigali sumber alam, rig penggerudian atau kapal kerja yang digunakan untuk carigali atau pengeksploitasian sumber alam termasuk balak atau keluaran hutan yang lain;
- (i)* suatu tapak bangunan atau pembinaan atau kegiatan-kegiatan penyelesaian yang berhubung dengannya, dengan syarat tapak, projek atau kegiatan tersebut berterusan bagi tempoh lebih dari 183 hari;
- (j)* projek pemasangan atau projek pepasangan yang wujud lebih dari tiga bulan; dan
- (k)* pemberian perkhidmatan, termasuk perkhidmatan pakar runding oleh suatu perusahaan melalui pekerja-pekerja atau kakitangan lain yang

JADUAL – (sambungan)

diguna khidmat oleh perusahaan itu bagi maksud tersebut, tetapi hanya jika kegiatan-kegiatan seperti itu berterusan (bagi projek yang sama atau berkaitan) di dalam negara bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah lebih dari 3 bulan dalam mana-mana tempoh dua belas bulan.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara ini yang terdahulu, perkataan "bangunan tetap" tidaklah boleh dianggap termasuk –

(a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, atau pameran barang-barang atau barang niaga kepunyaan perusahaan itu;

(b) penyelenggaraan suatu stok barang-barang atau barang niaga kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud penyimpanan atau pameran;

(c) penyelenggaraan suatu stok barang-barang atau barang niaga kepunyaan perusahaan itu semata-mata bagi maksud pemrosesan oleh perusahaan lain;

(d) penyelenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud pembelian barang-barang atau barang niaga, atau bagi mengumpul maklumat untuk perusahaan itu;

(e) penyelenggaraan suatu tempat perniagaan tetap semata-mata bagi maksud pengiklanan, bagi pembekalan maklumat, bagi penyelidikan saintifik atau bagi kegiatan-kegiatan serupa yang bersifat persediaan atau tambahan, untuk perusahaan itu.

4. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2, jika seseorang – selain daripada ejen bertaraf bebas yang dikenakan perenggan 5 – bertindak di suatu Negara Pejanji bagi pihak suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, perusahaan itu hendaklah dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan berkaitan dengan sebarang kegiatan yang dijalankan oleh orang itu untuk perusahaan tersebut, jika orang itu –

(a) mempunyai dan lazimnya menjalankan di Negara Pejanji itu kuasa untuk membuat kontrak-kontrak atas nama perusahaan tersebut, melainkan jika kegiatan-kegiatan orang itu terhad kepada kegiatan-kegiatan yang disebutkan dalam perenggan 3 yang, jika dijalankan melalui suatu tempat perniagaan tetap, tidak akan menjadikan tempat perniagaan tetap ini suatu bangunan tetap di bawah peruntukan-peruntukan perenggan itu;

JADUAL – (sambungan)

(b) tidak mempunyai kuasa sedemikian tetapi lazimnya menyelenggarakan di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan suatu stok barang-barang atau barang niaga yang darinya dia kerap menyerahkan barang-barang atau barang niaga bagi pihak perusahaan tersebut; atau

(c) mengilang atau memproses di Negara Pejanji itu untuk perusahaan tersebut barang-barang atau barang niaga kepunyaan perusahaan tersebut.

5. Suatu perusahaan insurans dari suatu Negara Pejanji hendaklah, kecuali berhubung dengan insurans semula, dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang satu lagi jika perusahaan insurans itu memungut premium di Negara Pejanji yang satu lagi itu atau menginsuranskan risiko yang terletak di dalamnya melalui seseorang pekerja atau melalui seseorang wakil yang bukan ejen bertaraf bebas dalam makna perenggan 6.

6. Suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji tidaklah boleh dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang satu lagi semata-mata kerana perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, dengan syarat bahawa orang-orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, apabila kegiatan-kegiatan ejen tersebut ditumpukan seluruhnya atau hampir seluruhnya bagi pihak perusahaan itu atau perusahaan-perusahaan bersekutunya, dia tidak akan dianggap sebagai ejen bertaraf bebas dalam makna perenggan ini.

7. Hakikat bahawa suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu bangunan tetap ataupun selainnya) tidaklah boleh dengan sendirinya menjadikan salah satu syarikat itu suatu bangunan tetap bagi syarikat yang satu lagi.

PERKARA 6

Pendapatan dari Harta Tak Alih

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dari harta tak alih (termasuk pendapatan dari pertanian atau perhutanan) yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Perkataan "harta tak alih" hendaklah ditakrifkan menurut undang-undang Negara Pejanji di mana harta yang berkenaan itu terletak. Perkataan itu hendaklah dalam sebarang hal termasuk harta tambahan kepada harta

JADUAL – (sambungan)

tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian, perhutanan dan perikanan, hak-hak yang dikenakan peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah, usufruk harta tak alih dan hak-hak kepada pembayaran berubah atau tetap dengan wang tunai atau bukan dalam bentuk wang sebagai balasan kerana mengerjakan, atau hak untuk mengerjakan, longgokan galian, sumber dan sumber alam yang lain; kapal, bot dan pesawat udara tidaklah boleh dianggap sebagai harta tak alih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah dikenakan kepada pendapatan yang diperolehi dari penggunaan langsung, penyewaan, atau penggunaan dalam sebarang bentuk lain harta tak alih.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dikenakan kepada pendapatan dari harta tak alih suatu perusahaan dan pendapatan dari harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan persendirian secara bebas.

PERKARA 7**Keuntungan Perniagaan**

1. Keuntungan suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji boleh dikenakan cukai hanya di Negara Pejanji itu melainkan jika perusahaan itu menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan itu menjalankan perniagaan sebagaimana yang disebutkan di atas, keuntungan perusahaan itu boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi tetapi hanya sebanyak mana dari keuntungan itu yang disebabkan oleh (a) bangunan tetap itu; (b) penjualan di Negara Pejanji yang satu lagi itu barang-barang atau barang niaga yang serupa atau sama jenisnya dengan barang-barang atau barang niaga yang dijual melalui bangunan tetap itu; atau (c) kegiatan-kegiatan perniagaan lain yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu yang serupa atau sama jenisnya dengan yang dilakukan melalui bangunan tetap itu.

2. Jika suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah ada di tiap-tiap Negara Pejanji disebabkan oleh bangunan tetap itu keuntungan yang dijangka mungkin dibuat olehnya jika ia adalah suatu perusahaan yang berlainan dan berasingan yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang sama atau serupa di bawah keadaan-keadaan yang sama atau serupa dan berurusan dengan sepenuh kebebasan dengan perusahaan yang berupa suatu bangunan tetap.

JADUAL – (sambungan)

3. Dalam menentukan keuntungan suatu bangunan tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud-maksud bangunan tetap itu, termasuk perbelanjaan eksekutif dan pentadbiran am yang dilakukan demikian, sama ada di Negara Pejanji di mana bangunan tetap itu terletak atau di tempat lain, tetapi ini tidak termasuk sebarang perbelanjaan yang, di bawah undang-undang Negara Pejanji itu, tidak akan dibenarkan untuk dipotong oleh suatu perusahaan dari Negara Pejanji itu.

4. Setakat mana telah menjadi kelaziman di suatu Negara Pejanji untuk menentukan keuntungan yang disebabkan oleh suatu bangunan tetap berasaskan kepada pembahagian jumlah keuntungan perusahaan itu kepada beberapa bahagiannya, tiada sebarang apa pun dalam perenggan 2 boleh menghalang Negara Pejanji itu dari menentukan keuntungan yang akan dicukai mengikut pembahagian yang mungkin menjadi kelaziman; kaedah pembahagian yang diterimapakai hendaklah, walau bagaimanapun, sebegitu rupa sehingga hasilnya adalah menurut prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Perkara ini.

5. Bagi maksud-maksud perenggan-perenggan yang terdahulu, keuntungan yang disebabkan oleh bangunan tetap itu hendaklah ditentukan dengan kaedah yang sama dari tahun ke setahun melainkan jika terdapat sebab yang memuaskan dan mencukupi sebaliknya.

6. Jika keuntungan termasuk butiran-butiran pendapatan yang dikendalikan secara berasingan dalam Perkara-Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara-Perkara tersebut tidaklah boleh terjejas oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

7. Tiada keuntungan boleh disebabkan oleh suatu bangunan tetap hanya kerana bangunan tetap itu membeli barang-barang atau barang niaga untuk perusahaan itu.

PERKARA 8

Perkapalan dan Pengangkutan Udara

1. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara 7, keuntungan dari pengendalian pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa yang dijalankan oleh suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu.

2. Keuntungan dari sumber-sumber di dalam suatu Negara Pejanji yang diperolehi oleh suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi dari pengendalian kapal-kapal dalam lalulintas antarabangsa boleh dicukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan, tetapi cukai yang dikenakan hendaklah dikurangkan dengan suatu amaun yang bersamaan dengan 50%.

JADUAL – (sambungan)

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini hendaklah juga dikenakan kepada keuntungan yang diperolehi dari penyertaan dalam kumpulan, dalam suatu perniagaan bersama atau dalam sebarang jenis agensi pengendalian antarabangsa oleh perusahaan-perusahaan yang terlibat dalam pengendalian kapal-kapal atau pesawat udara dalam lalulintas antarabangsa.

4. Bagi maksud-maksud Perkara ini, keuntungan yang diperolehi dari Negara Pejanji yang satu lagi bermakna keuntungan dari pengangkutan penumpang-penumpang, mel, ternakan atau barang-barang yang dihantar dengan kapal, atau dimuatkan ke dalam sesebuah kapal atau pesawat udara di Negara Pejanji itu (tidak termasuk keuntungan yang terakru dari penumpang-penumpang, mel, ternakan atau barang-barang yang dibawa ke Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata untuk pemindahan ke kapal, atau bagi pemindahan dari sebuah pesawat udara ke pesawat udara lain atau dari sebuah pesawat udara ke sebuah kapal atau dari sebuah kapal ke sebuah pesawat udara).

PERKARA 9**Perusahaan Bersekutu**

1. Jika —

(a) suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, kawalan atau modal suatu perusahaan dari Negara Pejanji yang satu lagi, atau

(b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, kawalan atau modal suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan dari Negara Pejanji yang satu lagi,

dan dalam salah satu hal, syarat-syarat adalah dibuat atau dikenakan di antara kedua-dua perusahaan itu, dalam hubungan perdagangan atau kewangan mereka, yang berlainan dari syarat-syarat yang akan dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, sebarang keuntungan yang mungkin, jika tidak kerana syarat-syarat itu, telah terakru kepada salah satu dari perusahaan-perusahaan itu tetapi oleh kerana syarat-syarat tersebut, tidak terakru sedemikian, boleh dimasukkan dalam keuntungan perusahaan itu dan dicukai dengan sewajarnya.

2. Jika suatu Negara Pejanji memasukkan dalam keuntungan suatu perusahaan dari Negara Pejanji itu – dan mengenakan cukai dengan sewajarnya – keuntungan yang atasnya suatu perusahaan dari Negara Pejanji yang satu lagi telah dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu dan keuntungan yang dimasukkan itu adalah keuntungan yang mungkin telah terakru kepada perusahaan-perusahaan Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan jika syarat-syarat yang dibuat di antara

JADUAL – (sambungan)

kedua-dua perusahaan itu adalah syarat-syarat yang mungkin telah dibuat di antara perusahaan-perusahaan bebas, maka Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah membuat suatu pelarasan yang bersesuaian kepada amaun cukai yang dikenakan di dalamnya atas keuntungan tersebut. Dalam menentukan pelarasan tersebut, perhatian yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini dan pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah jika perlu berunding antara satu sama lain.

3. Suatu Negara Pejanji tidaklah boleh mengubah keuntungan suatu perusahaan dalam hal keadaan yang disebut dalam perenggan 2 selepas habis tempoh had masa yang diperuntukkan dalam undang-undang cukainya.

PERKARA 10

Dividen

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, dividen tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana syarikat yang membayar dividen itu menjadi pemastautin dan menurut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika penerimanya adalah pemilik benefisial dividen itu maka cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi 15% dari amaun kasar dividen itu. Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah dengan persetujuan bersama menyelesaikan cara untuk mengenakan batasan ini.

Perenggan ini tidaklah boleh menjejaskan pencukaaian syarikat itu berkaitan dengan keuntungan yang darinya dividen tersebut dibayar.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 2, dividen yang berbangkit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.

4. Perkataan "dividen" yang digunakan dalam Perkara ini bermakna pendapatan dari syer-syer, syer-syer "jouissance" atau hak-hak "jouissance", syer-syer perlombongan, syer-syer pengasas atau hak-hak lain, bukannya tuntutan hutang, penyertaan keuntungan, dan juga pendapatan dari hak-hak korporat yang lain yang tertakluk kepada layanan pencukaaian yang sama.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial dividen tersebut, yang menjadi pemastautin, suatu Negara

JADUAL – (sambungan)

Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana syarikat yang membayar dividen tersebut menjadi pemastautin, melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian secara bebas dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan pemegangan yang berkaitan dengannya dividen itu dibayar sebenarnya ada hubungan dengan bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut. Dalam hal itu peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 14, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

6. Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan dari Negara Pejanji yang satu lagi, Negara Pejanji yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan sebarang cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu kecuali setakat mana dividen itu dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu atau setakat mana pemegangan yang berkaitan dengannya dividen itu dibayar sebenarnya ada hubungan dengan suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau keuntungan tak diagihkan syarikat itu tidak boleh tertakluk kepada cukai ke atas keuntungan tak diagihkan syarikat itu, walaupun dividen yang dibayar atau keuntungan tak diagihkan itu mengandungi seluruhnya atau sebahagiannya keuntungan atau pendapatan yang berbangkit di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

7. Dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan lain Perjanjian ini jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang satu lagi, keuntungan bangunan tetap itu boleh tertakluk kepada suatu cukai tambahan di Negara Pejanji yang satu lagi itu menurut undang-undangnya, tetapi cukai tambahan yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi 10% dari amaun keuntungan itu selepas menolak darinya cukai pendapatan dan cukai-cukai lain ke atas pendapatan yang dikenakan ke atasnya di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

8. Kadar cukai dalam perenggan 2 dan dalam perenggan 7 Perkara ini tidaklah boleh menjejaskan kadar cukai yang dikenakan dalam sebarang kontrak perkongsian penghasilan atau sebarang kontrak lain yang serupa berkenaan dengan sektor minyak dan gas atau sektor perlombongan lain yang dibuat oleh Kerajaan suatu Negara Pejanji, bantuannya, syarikat minyak dan gas negaranya yang berkaitan atau mana-mana entiti lainnya dengan seseorang yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi.

JADUAL – (sambungan)

PERKARA 11

Bunga

1. Bunga yang berbangkit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.
2. Walau bagaimanapun bunga itu boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana bunga itu berbangkit dan menurut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika penerimanya adalah pemilik benefisial bunga itu maka cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi 15% dari amaun kasar bunga itu.
3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 2, bunga yang berbangkit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.
4. Perkataan "bunga" yang digunakan dalam Perkara ini bermakna pendapatan dari setiap jenis tuntutan hutang, sama ada atau tidak dicagarkan dengan gadaijanji dan sama ada atau tidak memberi hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang, dan khususnya, pendapatan dari sekuriti-sekuriti kerajaan dan pendapatan dari bon-bon atau debentur-debentur, termasuk premium dan prize yang dikenakan kepada sekuriti-sekuriti, bon-bon atau debentur-debentur tersebut, dan juga pendapatan yang diserapkan kepada pendapatan dari wang yang dipinjamkan menurut undang-undang percukaian Negara Pejanji di mana pendapatan berbangkit termasuk bunga ke atas jualan bayaran tertunda. Bayaran penalti kerana terlewat membuat pembayaran tidaklah boleh dianggap sebagai bunga bagi maksud Perkara ini.
5. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial bunga itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana bunga itu berbangkit, melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau melaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian secara bebas dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang berkaitan dengannya bunga itu dibayar sebenarnya ada hubungan dengan bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut. Dalam hal itu, peruntukan-peruntukan Perkara 7 atau Perkara 14, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.
6. Bunga hendaklah dianggap berbangkit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah Negara Pejanji itu sendiri, subdivisi politik, pihak berkuasa tempatan atau pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar bunga itu, sama ada dia adalah pemastautin suatu Negara Pejanji

JADUAL – (sambungan)

atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang berhubung dengannya keterhutangan yang atasnya bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh bangunan tetap atau pusat operasi tersebut, maka bunga itu hendaklah dianggap berbangkit di Negara Pejanji di mana bangunan tetap atau pusat operasi tersebut terletak.

7. Jika oleh kerana hubungan istimewa di antara pembayar dengan pemilik benefisial atau di antara mereka berdua dengan orang lain, amaun bunga, dengan memberi perhatian kepada tuntutan hutang yang atasnya bunga itu dibayar, melebihi dari amaun yang mungkin telah dipersetujui oleh pembayar dan pemilik benefisial sekiranya hubungan seperti itu tidak ada, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dikenakan hanya kepada amaun yang terakhir disebutkan sahaja. Dalam hal tersebut, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap dikenakan cukai menurut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

PERKARA 12**Royalti**

1. Royalti yang berbangkit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti itu boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana royalti itu berbangkit, dan menurut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi, jika penerimanya adalah pemilik benefisial royalti itu, cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi 15% dari amaun kasar royalti itu.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 2, royalti yang berbangkit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.

4. Perkataan "royalti" yang digunakan dalam Perkara ini bermakna sebarang jenis bayaran yang diterima sebagai balasan kerana menggunakan, atau hak untuk menggunakan sebarang hakcipta bagi karya sastera, seni atau saintifik, termasuk filem sinematograf atau pita untuk televisyen atau penyiaran, sebarang paten, tanda perniagaan, rekabentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau kerana menggunakan, atau hak untuk menggunakan kelengkapan perindustrian, perdagangan atau saintifik atau untuk maklumat berhubung dengan pengalaman perindustrian atau saintifik.

JADUAL – (sambungan)

5. Royalti hendaklah dianggap berbangkit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah Negara Pejanji itu sendiri, pihak berkuasa tempatan atau pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti itu, sama ada dia adalah pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di Negara Pejanji itu suatu bangunan tetap yang berhubung dengannya liabiliti untuk membayar royalti itu telah dilakukan, dan royalti itu ditanggung oleh bangunan tetap tersebut, maka royalti itu hendaklah dianggap berbangkit di Negara Pejanji di mana bangunan tetap itu terletak.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 5 Perkara ini hendaklah juga dikenakan kepada hasil yang berbangkit dari pemberian milik sebarang hakcipta bagi karya saintifik, sebarang paten, tanda perniagaan, rekabentuk atau model, pelan atau formula atau proses rahsia.

7. Peruntukan-peruntukan perenggan 1, 2 dan 5 Perkara ini tidaklah boleh dikenakan jika penerima royalti atau hasil tersebut, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, mempunyai di Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti atau hasil tersebut berbangkit suatu bangunan tetap yang dengannya hak atau harta yang menimbulkan royalti tersebut atau harta yang pemberian miliknya menimbulkan hasil tersebut adalah sebenarnya berhubung. Dalam hal itu, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dikenakan.

8. Jika, oleh kerana hubungan istimewa di antara pembayar dengan penerima atau di antara mereka berdua dengan orang lain, amaun royalti yang dibayar itu, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang kerananya royalti itu dibayar, melebihi dari amaun yang mungkin telah dipersetujui oleh pembayar dan penerima sekiranya hubungan seperti itu tidak ada, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dikenakan hanya kepada amaun yang terakhir disebutkan sahaja. Dalam hal tersebut, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah tetap dikenakan cukai menurut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

PERKARA 13

Laba Modal

1. Laba yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dari pemberian milik harta tak alih yang disebut dalam Perkara 6 dan terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Laba dari pemberian milik harta alih yang merupakan sebahagian dari harta perniagaan suatu bangunan tetap yang dipunyai oleh suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi atau harta alih yang berkaitan

JADUAL – (sambungan)

dengan suatu pusat operasi tetap yang tersedia untuk pemastautin suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan perkhidmatan persendirian secara bebas, termasuk laba dari pemberian milik bangunan tetap tersebut (bersendirian atau bersama dengan seluruh perusahaan itu) atau pusat operasi tersebut, boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

3. Laba yang diperolehi oleh suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji dari pemberian milik kapal-kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa atau harta alih yang berkaitan dengan pengendalian kapal-kapal atau pesawat udara tersebut, hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

4. Laba dari pemberian milik sebarang harta selain dari yang disebut dalam perenggan-perenggan 1, 2 dan 3, hanya boleh dicukai di Negara Pejanji di mana pemberi milik menjadi pemastautin sahaja.

5. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini dan perenggan 2 Protokol, laba modal yang berbangkit di suatu Negara Pejanji kepada Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.

PERKARA 14

Perkhidmatan Persendirian Secara Bebas

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkaitan dengan perkhidmatan profesional atau kegiatan-kegiatan lain yang bebas sifatnya hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu melainkan jika dia mempunyai suatu pusat operasi tetap yang sentiasa tersedia kepadanya di Negara Pejanji yang satu lagi bagi maksud melaksanakan kegiatan-kegiatannya atau dia berada di Negara Pejanji yang satu lagi itu bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang melebihi pada keseluruhannya 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan. Jika dia mempunyai pusat operasi tersebut atau tinggal di Negara Pejanji yang satu lagi itu bagi tempoh atau tempoh-tempoh yang disebutkan di atas, pendapatan itu boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu tetapi hanya sebanyak mana dari pendapatan itu yang disebabkan oleh pusat operasi tetap tersebut atau diperolehi di Negara Pejanji yang satu lagi itu dalam tempoh atau tempoh-tempoh yang disebutkan di atas.

2. Perkataan "perkhidmatan profesional" termasuk kegiatan-kegiatan saintifik, kesusasteraan, seni, pendidikan atau pengajaran secara bebas dan juga kegiatan-kegiatan pakar perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor gigi dan akauntan secara bebas.

JADUAL – (sambungan)

PERKARA 15

Perkhidmatan Tanggungan Persendirian

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 16, 18, 19 dan 20, gaji, upah dan ganjaran atau pendapatan lain yang serupa bagi perkhidmatan persendirian yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji, hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja, melainkan jika perkhidmatan itu dilaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika perkhidmatan itu dilaksanakan demikian, ganjaran atau pendapatan yang diperolehi darinya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1, ganjaran atau pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji bagi perkhidmatan persendirian yang dilaksanakan di Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu jika —

(a) penerimanya berada di Negara Pejanji yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang tidak melebihi pada keseluruhannya 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan; dan

(b) ganjaran atau pendapatan itu dibayar oleh atau bagi pihak, seseorang yang menjadi pemastautin Negara yang mula-mula disebutkan; dan

(c) ganjaran atau pendapatan itu tidak ditanggung oleh suatu bangunan tetap yang dipunyai oleh orang itu di Negara Pejanji yang satu lagi.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara ini yang terdahulu, ganjaran yang diperolehi berkaitan dengan suatu pekerjaan yang dijalankan di dalam sesebuah kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa oleh suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

PERKARA 16

Bayaran Pengarah

1. Bayaran pengarah dan bayaran yang serupa yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai ahli lembaga pengarah atau mana-mana organ lain yang serupa suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

JADUAL – (sambungan)

2. Ganjaran yang diperolehi oleh seseorang yang dikenakan perenggan 1 dari syarikat itu berkaitan dengan pelaksanaan tugas-tugas harian yang bersifat pengurusan atau teknikal boleh dicukai menurut peruntukan-peruntukan Perkara 15.

PERKARA 17

Artis dan Atlet

1. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara 14 dan 15, pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai penghibur, seperti artis teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau pemuzik, atau sebagai atlet, dari kegiatan-kegiatan persendirian yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Jika pendapatan berkaitan dengan kegiatan-kegiatan persendirian yang dijalankan di suatu Negara Pejanji oleh seseorang penghibur atau atlet atas sifatnya yang sedemikian terakru bukan kepada penghibur atau atlet itu sendiri tetapi kepada orang lain, pendapatan itu boleh, dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara 7 dan 15, dicukai di Negara Pejanji itu.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2, pendapatan yang diperolehi dari kegiatan-kegiatan yang disebut dalam perenggan 1 hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji di mana kegiatan-kegiatan itu dijalankan jika lawatan-lawatan ke Negara Pejanji itu ditanggung seluruhnya atau sebahagian besarnya dari dana salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji, pihak berkuasa tempatan atau institusi awamnya.

PERKARA 18

Pencen

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara 19, sebarang pencen atau ganjaran lain yang serupa yang dibayar kepada pemastautin salah satu Negara Pejanji dari suatu sumber di Negara Pejanji yang satu lagi sebagai balasan pekerjaan atau perkhidmatan yang lalu di Negara Pejanji yang satu lagi itu dan sebarang anuiti yang dibayar kepada pemastautin tersebut dari sumber itu boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Perkataan "anuiti" bermakna suatu jumlah wang tertentu yang kena dibayar secara berkala pada masa-masa yang ditetapkan sepanjang hayat atau dalam suatu tempoh masa yang ditentukan atau boleh ditentukan di bawah suatu kewajipan untuk membuat bayaran sebagai ganti balasan yang mencukupi dan sepenuhnya dengan wang atau yang boleh dinilai dengan wang.

JADUAL – *(sambungan)*

PERKARA 19

Perkhidmatan Kerajaan

1. *(a)* Ganjaran, termasuk faedah selain dari pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji atau pihak berkuasa tempatannya kepada seseorang individu berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara Pejanji itu atau pihak berkuasa tempatannya hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

(b) Walau bagaimanapun, ganjaran tersebut hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi sahaja jika perkhidmatan itu diberikan di Negara Pejanji yang satu lagi itu dan individu tersebut adalah pemastautin Negara itu yang –

(i) menjadi rakyat Negara itu; atau

(ii) tidak menjadi pemastautin Negara itu semata-mata bagi maksud memberikan perkhidmatan tersebut.

2. *(a)* Sebarang pencen yang dibayar oleh, atau dari dana yang diwujudkan oleh, suatu Negara Pejanji atau pihak berkuasa tempatannya kepada seseorang individu berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara Pejanji itu atau pihak berkuasa tempatannya hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu sahaja.

(b) Walau bagaimanapun, pencen tersebut hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi sahaja jika individu itu menjadi pemastautin, dan rakyat, Negara Pejanji yang satu lagi itu.

3. Peruntukan-peruntukan Perkara 15, 16, 17 dan 18 hendaklah dikenakan kepada ganjaran dan pencen berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan berhubung dengan suatu perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau pihak berkuasa tempatannya.

PERKARA 20

Pendapatan Kerajaan

Kerajaan suatu Negara Pejanji hendaklah dikecualikan dari cukai berkaitan dengan sebarang pendapatan yang diperolehi dari sumber-sumber di dalam Negara Pejanji yang satu lagi.

JADUAL – (sambungan)

PERKARA 21

Penuntut dan Pelatih

1. Seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sejurus sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan berada secara sementara di Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata —

(a) sebagai penuntut di sesebuah universiti, kolej atau sekolah yang diiktiraf di Negara Pejanji yang satu lagi itu;

(b) sebagai penerima pemberian, elaun atau anugerah yang tujuan utamanya adalah bagi menjalankan kajian atau penyelidikan daripada organisasi Kerajaan, keagamaan, khairat, saintifik, kesusasteraan atau pendidikan; atau

(c) sebagai perantis perniagaan atau teknikal,

hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu berkaitan dengan —

- (i) segala kiriman wang dari luar negeri bagi maksud-maksud sara hidup, pendidikan, pengajian, penyelidikan atau latihannya;
- (ii) pemberian, elaun atau anugerah; dan
- (iii) sebarang ganjaran kerana perkhidmatan persendirian yang diberikan di Negara Pejanji yang satu lagi itu setakat mana amaunnya tidak melebihi dari pendapatan yang tidak dikenakan cukai di bawah undang-undang Negara itu.

2. Seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sejurus sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan berada secara sementara di Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata sebagai pelatih bagi maksud memperoleh pengalaman teknikal, profesional atau perniagaan, hendaklah bagi suatu tempoh yang tidak melebihi empat tahun mulai dari tarikh dia mula tiba di Negara Pejanji yang satu lagi itu berhubung dengan lawatan tersebut dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu berkaitan dengan —

(a) segala kiriman wang dari luar negeri bagi maksud-maksud sara hidup atau latihannya, dan

JADUAL — (sambungan)

(b) sebarang ganjaran kerana perkhidmatan persendirian yang diberikan di Negara Pejanji yang satu lagi itu setakat mana amaunnya tidak melebihi dari pendapatan yang tidak dikenakan cukai di bawah undang-undang Negara itu.

3. Faedah perenggan-perenggan 1 dan 2 Perkara ini tidaklah boleh dijumlahkan bersama.

PERKARA 22

Guru

Seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sejeurus sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi, dan yang, atas jemputan mana-mana universiti, kolej, sekolah atau institusi pendidikan lain yang serupa, yang diiktiraf oleh pihak berkuasa tempatan di Negara Pejanji yang satu lagi itu, melawat Negara Pejanji yang satu lagi itu, bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari dua tahun semata-mata bagi maksud mengajar atau membuat penyelidikan atau kedua-duanya di institusi pendidikan tersebut hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu ke atas ganjarannya kerana mengajar atau membuat penyelidikan.

PERKARA 23

Pendapatan Lain

Butiran-butiran pendapatan pemastautin suatu Negara Pejanji yang tidak disentuh dalam Perkara-perkara Perjanjian ini yang terdahulu dan berbangkit di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

PERKARA 24

Penghapusan Cukai Dua Kali

Cukai dua kali hendaklah dielakkan seperti berikut —

1. Dalam hal Brunei —

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang Brunei berhubung dengan pemberian sebagai kredit terhadap cukai Brunei bagi cukai yang kena dibayar di suatu wilayah di luar Brunei (yang tidak akan menjejaskan prinsip am Perkara ini), cukai yang kena dibayar di bawah undang-undang

JADUAL – (sambungan)

Brunei dan menurut Perjanjian ini, sama ada secara langsung atau dengan cara potongan, ke atas keuntungan atau pendapatan dari sumber-sumber di dalam Indonesia hendaklah diberikan sebagai kredit terhadap sebarang cukai Brunei yang dihitung dengan merujuk kepada keuntungan atau pendapatan yang sama yang ke atasnya cukai Indonesia dihitung.

2. Dalam hal Indonesia –

Jika pemastautin Indonesia memperoleh pendapatan dari Brunei, amaun cukai ke atas pendapatan itu yang kena dibayar di Brunei menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, boleh dikreditkan terhadap cukai yang dilevi di Indonesia yang dikenakan kepada pemastautin tersebut. Amaun kredit, walau bagaimanapun, tidaklah boleh melebihi dari amaun cukai Indonesia ke atas pendapatan itu yang dihitung menurut undang-undang dan peraturan-peraturan percukaian Indonesia.

3. Bagi maksud-maksud Perkara ini, perkataan "cukai yang kena dibayar" hendaklah dianggap termasuk amaun cukai yang mungkin telah dibayar jika cukai itu belum dikecualikan atau dikurangkan menurut undang-undang galakan khas yang bertujuan untuk menggalakkan perkembangan ekonomi di salah satu Negara Pejanji, yang berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani, atau yang mungkin diperkenalkan selepas ini sebagai pengubahsuaian, atau tambahan kepada, undang-undang yang sedia ada.

PERKARA 25**Tidak Berat Sebelah**

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang satu lagi kepada sebarang pencukaian atau sebarang kehendak yang berkaitan dengannya yang berlainan atau lebih membebankan dari pencukaian dan kehendak-kehendak berkaitan yang kepadanya rakyat Negara Pejanji yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama adalah tertakluk atau mungkin tertakluk.

2. Pencukaian ke atas suatu bangunan tetap yang dipunyai oleh suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi tidaklah boleh dilevi kurang baiknya di Negara Pejanji yang satu lagi itu dari pencukaian yang dilevi ke atas perusahaan-perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi itu yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang sama. Peruntukan ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan suatu Negara Pejanji untuk memberi kepada pemastautin-pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi sebarang elaun diri, pelepasan dan pengurangan bagi maksud-maksud pencukaian oleh kerana taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberikan oleh Negara Pejanji itu kepada pemastautin-pemastautinnya sendiri.

JADUAL – (sambungan)

3. Perusahaan-perusahaan dari suatu Negara Pejanji, yang modalnya dimiliki atau dikawal seluruhnya atau sebahagiannya, secara langsung atau tidak langsung, oleh seorang pemastautin atau lebih Negara Pejanji yang satu lagi, tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan kepada sebarang pencukaian atau sebarang kehendak yang berkaitan dengannya yang berlainan atau lebih membebaskan dari pencukaian dan kehendak-kehendak berkaitan yang kepadanya perusahaan-perusahaan lain yang serupa dari Negara yang mula-mula disebutkan itu adalah tertakluk atau mungkin tertakluk.

4. Bunga, royalti dan pembayaran lain yang dibayar oleh suatu perusahaan dari suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh, bagi maksud menentukan keuntungan perusahaan itu yang boleh dicukai, dipotong di bawah syarat-syarat yang sama seolah-olah ia telah dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.

5. Dalam Perkara ini perkataan "pencukaian" bermakna cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini.

PERKARA 26

Prosedur Persetujuan Bersama

1. Jika pemastautin suatu Negara Pejanji berpendapat bahawa tindakan-tindakan salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji mengakibatkannya atau akan mengakibatkannya dicukai tidak menurut Perjanjian ini, dia boleh walaupun terdapat remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang nasional Negara-Negara tersebut, mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa yang layak dari Negara Pejanji di mana dia menjadi pemastautin. Kes itu mestilah dikemukakan dalam masa tiga tahun dari tindakan yang mengakibatkannya dicukai tidak menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini mula diberitahu.

2. Pihak berkuasa yang layak hendaklah berusaha, jika bantahan itu pada pendapatnya mempunyai justifikasi dan jika ia sendiri tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang sewajarnya, untuk menyelesaikan kes itu dengan persetujuan bersama dengan pihak berkuasa yang layak dari Negara Pejanji yang satu lagi dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaian yang tidak menurut Perjanjian ini.

3. Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah berusaha untuk menyelesaikan dengan persetujuan bersama sebarang kesulitan atau keraguan yang timbul tentang tafsiran atau penerapan Perjanjian ini. Mereka boleh juga berunding bersama untuk menghapuskan cukai dua kali dalam kes-kes yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian ini.

JADUAL — (sambungan)

4. Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji boleh berhubung secara langsung antara satu sama lain bagi maksud mengenakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

PERKARA 27**Pertukaran Maklumat**

1. Pihak-pihak berkuasa yang layak dari Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar maklumat sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini atau undang-undang domestik Negara Pejanji mengenai cukai-cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini, setakat mana pencukaaian di bawahnya tidak bertentangan dengan Perjanjian ini, khususnya bagi pencegahan penipuan atau pengelakan cukai-cukai tersebut. Sebarang maklumat yang diterima oleh suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai rahsia sama seperti maklumat yang diperolehi di bawah undang-undang domestik Negara itu dan hendaklah didedahkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuk mahkamah-mahkamah dan badan-badan pentadbiran) yang terlibat dalam menaksir atau memungut, menguatkuasakan atau mendakwa berkaitan dengan, atau memutuskan rayuan-rayuan berkenaan dengan, cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini. Orang-orang atau pihak-pihak berkuasa tersebut hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud-maksud tersebut termasuk pendedahan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai mengenakan kepada suatu Negara Pejanji kewajipan —

(a) untuk melaksanakan langkah-langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang atau amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;

(b) untuk memberi maklumat yang tidak dapat diperolehi di bawah undang-undang atau dalam perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;

(c) untuk memberi maklumat yang akan mendedahkan sebarang rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional atau proses perdagangan, atau maklumat yang pendedahannya adalah bertentangan dengan dasar awam [ketenteraman awam].

JADUAL — (sambungan)

PERKARA 28

Pegawai Diplomatik dan Konsul

Tiada sebarang apa pun dalam Perjanjian ini boleh menjejaskan keistimewaan fiskal pegawai-pegawai diplomatik atau konsul di bawah aturan-aturan am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.

PERKARA 29

Mula Berkuatkuasa

1. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang terkemudian dari tarikh-tarikh bila Kerajaan-Kerajaan masing-masing memberitahu antara satu sama lain secara bertulis bahawa formaliti yang dikehendaki menurut perlembagaan di Negara-Negara Pejanji mereka masing-masing telah dipatuhi.

2. Perjanjian ini hendaklah berkuatkuasa —

(a) dalam hal Brunei —

berkaitan dengan cukai Brunei bagi tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1 Januari pada tahun kalendar sejurus selepas tahun Perjanjian ini mula berkuatkuasa dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya.

(b) dalam hal Indonesia —

(i) berkaitan dengan cukai yang ditahan atau sumber bagi pendapatan yang diperolehi pada atau selepas 1 Januari pada tahun berikutan selepas tahun Perjanjian ini mula berkuatkuasa; dan

(ii) berkaitan dengan cukai-cukai lain ke atas pendapatan, bagi tahun-tahun kena cukai yang bermula pada atau selepas 1 Januari berikutan selepas tahun Perjanjian ini mula berkuatkuasa.

JADUAL — (sambungan)

PERKARA 30

Penamatan

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ditamatkan oleh suatu Negara Pejanji. Salah satu Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian ini, melalui saluran diplomatik, dengan memberi notis penamatan secara bertulis pada atau sebelum tiga puluh haribulan Jun pada mana-mana tahun kalendar berikutan selepas tempoh lima tahun dari tahun Perjanjian ini mula berkuatkuasa. Dalam hal itu, Perjanjian ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa —

(a) dalam hal Brunei —

berkaitan dengan cukai Brunei bagi tahun taksiran yang bermula pada atau selepas 1 Januari pada tahun kalendar kedua selepas tahun notis itu diberikan dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya.

(b) dalam hal Indonesia —

- (i) berkaitan dengan cukai yang ditahan atas sumber bagi pendapatan yang diperolehi pada atau selepas 1 Januari pada tahun berikutan selepas tahun notis penamatan itu diberikan; dan
- (ii) berkaitan dengan cukai-cukai lain ke atas pendapatan, bagi tahun-tahun kena cukai yang bermula pada atau selepas 1 Januari berikutan selepas tahun notis penamatan itu diberikan.

PADA MENYAKSIKANNYA wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini, yang sempurna diberi kuasa, telah menandatangani Perjanjian ini.

JADUAL — *(sambungan)*

Diperbuat dalam dua salinan di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada hari ini 27 haribulan Februari, 2000 dalam Bahasa Inggeris.

.....
DULI YANG TERAMAT MULIA
PADUKA SERI PENGIRAN
PERDANA WAZIR SAHIBUL
HIMMAH WAL-WAQAR
PENGIRAN MUDA MOHAMED
BOLKIAH
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri

.....
TUAN YANG TERUTAMA
DR ALWI SHIHAB
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri

Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam.

Bagi pihak Kerajaan Republik
Indonesia.

PROTOKOL

Setelah menandatangani Perjanjian di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Indonesia mengenai pengelakan cukai dua kali dan pencegahan pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan, wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini telah bersetuju dengan peruntukan yang berikut yang merupakan bahagian integral Perjanjian ini —

1. Merujuk kepada Perkara 13.

Berkaitan dengan perenggan 4 Perkara 13 pemberian milik syer-syer yang didagangkan di Bursa Saham adalah tertakluk kepada cukai tertahan menurut undang-undang dan peraturan yang terpakai.

2. Merujuk kepada Perkara 19.

Berkaitan dengan perenggan-perenggan 1 dan 2 Perkara 19 semua sebutan kepada "Negara Pejanji" hendaklah dianggap termasuk sebutan kepada Kerajaan suatu Negara Pejanji sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 1(c) Perkara 3 Perjanjian ini.

JADUAL – (sambungan)

Perenggan 3 Perkara 19 tidaklah boleh dikenakan kepada ganjaran dan pencen rakyat Kerajaan suatu Negara Pejanji berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan berhubung dengan suatu perniagaan yang dijalankan oleh Kerajaan suatu Negara Pejanji itu sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 1(c) Perkara 3 Perjanjian ini.

3. Merujuk kepada Perkara 24.

Berkaitan dengan perenggan 3 Perkara 24, pengecualian cukai, dalam hal Indonesia bermakna cukai yang ditanggung oleh Kerajaan menurut galakan cukai yang diberikan dalam industri-industri yang layak.

PADA MENYAKSIKANNYA wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini telah menandatangani Protokol ini yang mempunyai kuatkuasa dan kesahan yang sama seolah-olah Protokol ini dimasukkan perkataan demi perkataan dalam Perjanjian ini.

.....
DULI YANG TERAMAT MULIA
PADUKA SERI PENGIRAN
PERDANA WAZIR SAHIBUL
HIMMAH WAL-WAQAR
PENGIRAN MUDA MOHAMED
BOLKIAH
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri

.....
TUAN YANG TERUTAMA
DR ALWI SHIHAB
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri

Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam.

Bagi pihak Kerajaan Republik
Indonesia.

Diperbuat pada 3 haribulan April, 2002.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA
DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR
Jurutulis Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri
Negara Brunei Darussalam.